

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB. DATUK JUSLIE BIN AJIROL  
[ LIBARAN ]**

**TARIKH : 01.04.2015**

**NO. SOALAN : 21**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN  
WILAYAH** menyatakan:-

- (a) Rancangan prasarana bagi kemajuan luar bandar dan wilayah bagi negeri Sabah terutama bagi Parlimen Libaran dalam Rancangan Malaysia ke-11 kelak, jika ada; dan
- (b) Adakah Jalan Tanjung Semawang, jalan persisir pantai Sungai Tiram ke Kuala Gum-Gum dan Jalan Kg. Daling ke Tanjung Pisau Lalasun akan dimasukkan dalam Rancangan Malaysia ke-11.

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam *Rolling Plan* Pertama tahun 2016 Rancangan Malaysia ke-11, Kementerian ini telah mencadangkan pembinaan Projek Jalan Dandulit ke Kg. Banting, Sandakan, Sabah sepanjang 2.0km dengan kos projek berjumlah RM6.0 juta di bawah program Jalan Luar Bandar (JALB) manakala di bawah program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) pula, sebanyak 8 projek pembekalan air dan penyambungan paip telah dicadangkan dengan kos projek keseluruhan berjumlah RM37.7 juta yang mana dijangka memberi manfaat kepada 2,218 penduduk sekitar. Pelaksanaan projek-projek ini tertakluk kepada kelulusan UPE, JPM.

Bagi ketiga-ketiga projek yang telah dinyatakan, Kementerian memohon kerjasama pihak Yang Berhormat untuk mengemukakan permohonan secara bertulis agar Kementerian boleh meneliti dan bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Negeri yang berkaitan untuk menjalankan siasatan lanjut seterusnya menyenaraikan

projek-projek tersebut untuk pertimbangan kelulusan pelaksanaan pada Rolling Plan yang seterusnya.